

RINGGIT

**RAKAN
KEWANGAN
ANDA**

JULAI 2015



AKIBAT SKIM CEPAT KAYA

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



**GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA**



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Siti Rahayu binti Zakaria
Santhosh Kannan

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468

E-mel : info@crcc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

ثريتيككن اساس جاي (مليسيا) سندرين برحد

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Seseorang kakitangan yang berpengalaman di sesebuah industri yang memerlukan kepakaran tertentu sememangnya dibayar gaji lumayan setiap bulan. Dengan pendapatan sedemikian, mereka mampu untuk memiliki aset yang diingini di samping taraf kehidupan yang lebih baik berbanding kebanyakan orang lain. Apatah lagi jika mereka ini pandai menguruskan aset-aset yang mereka miliki. Namun begitu, disebabkan sifat tamak haloba yang bersarang di hati, kesenangan yang dikecapi akan hilang sekelip mata.

Seorang pegawai teknikal yang dikenali sebagai Amran (bukan nama sebenar) sebelum ini mendapat pendapatan yang lumayan antara RM10,000 hingga RM15,000 sebulan. Dengan pendapatan tersebut, beliau mampu memberi kebahagiaan kepada keluarganya. Semua anaknya dihantar belajar di sekolah swasta. Namun, disebabkan terpicat dengan skim pelaburan emas yang dijalankan oleh seorang rakannya, yang kononnya menjanjikan pulangan menarik, ditambah dengan contoh rakan yang telah berjaya mendapat habuan, maka tanpa berfikir panjang dan merujuk mana-mana pihak, Amran telah melabur dengan skim tersebut.

Pada mulanya dia melabur sebanyak RM50,000. Setelah yakin dengan pulangan menarik, malah lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh agensi pelaburan lain, beliau membuat pinjaman peribadi bagi membolehkannya melabur sebanyak RM155,000. Walaupun kontrak pekerjaannya akan tamat selepas itu, Amran yakin pulangan yang akan diperoleh pada setiap bulan daripada pelaburan berkenaan akan dapat menampung kos kehidupan keluarganya, termasuk menjelaskan bayaran ansuran bulanan bagi semua hutang bank.

Beberapa bulan kemudian, Amran mendapati pihak penganjur mula gagal membayar pulangan seperti yang dijanjikan, dan ada ketikanya tertangguh. Apabila ditanya kepada rakan penganjur berkenaan, mereka juga gagal membantu dan memintanya menghubungi terus syarikat berkenaan yang berpusat di utara Semenanjung. Disebabkan tertekan dengan pelbagai masalah, termasuk panggilan daripada bank dan juga agen kutipan disebabkan kegagalan menjelaskan ansuran pinjaman, Amran berusaha untuk mendapatkan bantuan. Dia kemudiannya terlihat iklan mengenai Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di kaca televisyen.

Tanpa membuang masa, dia terus ke cawangan AKPK Kuala Terengganu dan berbincang masalah dengan kaunselor AKPK. Setelah berunding, kaunselor AKPK menstruktur pinjaman-pinjamannya kembali dan mengurangkan komitmen bulanan kepada bank.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Nasihat kepada Pembaca terhadap Skim Penipuan

Untuk mengelakkan diri daripada tertipu, sentiasa ingat petua-petua perlindungan seperti berikut:

- Hindari daripada sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan tetap atau tinggi bagi satu pelaburan kecil. Berhati-hatilah terhadap syarikat yang menjanjikan keuntungan besar atau menunjukkan prestasi cemerlang pada satu tempoh masa yang pendek. Anda mesti ingat bahawa setiap pelaburan melibatkan risiko dan anda tentu selalu dengar 'pulangan tinggi berisiko tinggi'. Ambil langkah berhati-hati terutama jika pelaburan itu kononnya akan memberi pulangan tinggi dengan risiko yang rendah atau tiada risiko langsung.
- Jangan sekali-kali bersetuju menyertai apa-apa 'peluang' dalam keadaan mendesak, umpamanya 'tempoh untuk anda menyertai skim ini amat terhad' atau 'beli sekarang, jika tidak, anda akan menyesal'. Ingatlah, jika perniagaan itu sah, ia akan tetap wujud esok, minggu hadapan, bulan hadapan atau tahun hadapan.
- Pastikan anda memperoleh rekod prestasi syarikat tersebut. Juga, mintalah maklumat bertulis mengenai produk pelaburan dan perniagaan itu, serta risiko yang terbabit dalam pelaburan tersebut. Baca dengan teliti prospektus atau laporan tahunan syarikat itu sebelum membuat pelaburan.
- Jangan memberikan sebarang maklumat kewangan atau peribadi sebelum anda memastikan kesahihan syarikat itu.
- Jangan takut bertanya soalan. Minta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang anda tidak faham dan jangan menerima bulat-bulat semua maklumat yang diberikan. Siasat sendiri.
- Sentiasa memeriksa laman web pihak pengawal selia, contohnya laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti (www.sc.com.my) untuk mendapatkan maklumat mengenai amaran untuk pelabur. Untuk maklumat lanjut berhubung aktiviti penipuan kewangan dan langkah-langkah pencegahan, orang ramai juga boleh melawat laman amaran penipuan kewangan yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia di <http://www.bnm.gov.my>
- Jika ragu-ragu, jangan melabur.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Perkhidmatan Perbankan Ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) Dipertingkatkan Untuk Kemudahan Masyarakat



Pembukaan akaun bank Giro / Giro-i kini dipermudah melalui Ejen Bank Berdaftar BSN

BSN terus menyokong agenda rangkuman kewangan melalui inisiatif perbankan ejen yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020.

Sejak inisiatif perbankan ejen dilaksanakan pada tahun 2012, Malaysia telah mencapai tahap rangkuman kewangan atau “*financial inclusion*” yang lebih tinggi. Kini, 96% daripada 886 mukim yang mempunyai penduduk melebihi 2,000 orang telah mendapat kemudahan atau akses kepada perkhidmatan perbankan asas, berbanding dengan hanya 46% pada tahun 2011. BSN memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda ini melalui khidmat perbankan ejen yang diperkenalkan kepada masyarakat pada 27 Januari 2012.

Di bawah inisiatif ini, BSN telah melantik Ejen Bank Berdaftar (EB) yang terdiri daripada pemilik-pemilik premis perniagaan runcit, ejen syarikat telekomunikasi

dan juga pemilik stesen minyak Petronas di seluruh Malaysia. Bermula dengan hanya 200 lokasi dan lima (5) perkhidmatan perbankan, kini jumlah EB BSN telah meningkat kepada 6,033 yang beroperasi di seluruh negara.

Perkhidmatan Yang Ditawarkan

- Simpanan Wang
- Pengeluaran Wang
- Pembukaan Akaun
- Simpanan Sijil Simpanan Premium (SSP)
- Pembayaran Tanpa Tunai
- Pembayaran Bil
- Tambah Nilai Prabayar

Terbaharu, EB BSN menawarkan perkhidmatan pembukaan akaun Giro / Giro-i di premis perniagaan mereka.

Sejak Disember 2014, perkhidmatan EB BSN juga telah dipertingkatkan iaitu Pembukaan Akaun Giro / Giro-i. Penambahan perkhidmatan ini adalah bertujuan



untuk memudahkan urusan pembukaan akaun bagi penerimaan bayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan menyediakan perkhidmatan perbankan yang menyeluruh kepada pelanggan-pelanggan BSN terutamanya bagi masyarakat di kawasan luar bandar. Setakat ini, sebanyak lebih 6,000 akaun Giro / Giro-i telah dibuka melalui saluran EB BSN.

Pelanggan boleh mengunjungi mana-mana premis EB BSN berdekatan untuk membuka Akaun Giro / Giro-i dengan membawa bersama MyKad untuk tujuan pengesahan biometrik bersama jumlah deposit permulaan serendah RM20. Proses pembukaan akaun ini adalah cepat, mudah dan selamat. Akaun yang telah dibuka perlu dikemaskini di mana-mana cawangan BSN dalam tempoh dua (2) bulan.

Perkhidmatan yang ditawarkan di semua EB BSN adalah selamat kerana ia menggunakan terminal *Point-of-Sale* (POS) yang berhubung terus kepada



Pelanggan mendapatkan perkhidmatan dari EB BSN



sistem BSN bagi membenarkan transaksi dilakukan dalam talian secara masa nyata sepenuhnya tanpa memerlukan borang permohonan. Setiap transaksi yang berjaya akan diperakukan dengan resit rasmi yang dicetak terus di terminal POS.

Sekiranya mempunyai sebarang aduan dan pertanyaan tentang perkhidmatan yang ditawarkan melalui EB BSN atau berminat menjadi ejen BSN sila hubungi:

Tel: 1-300-88-1900
E-mel: servicemanager@bsn.com.my
Laman Web: www.mybsn.com.my

Sekiranya memenuhi kriteria yang berikut, anda layak untuk dipertimbangkan menjadi ejen BSN:

- i. Berdaftar dan mempunyai sijil pendaftaran SSM
- ii. Telah beroperasi lebih daripada 1 tahun
- iii. Mempunyai premis perniagaan tetap
- iv. EB hanya perniagaan sampingan
- v. Mempunyai capaian GPRS/Talian tetap
- vi. Jarak di antara EB dengan Cawangan BSN adalah 5 km*
- vii. Jarak di antara EB adalah 10 km*
- viii. Membuka Akaun Korporat EB BSN dengan deposit minimum RM1,500.00

** Tertakluk kepada budi bicara pihak Pengurusan BSN (keperluan dan kepadatan penduduk)*

Sumber: Bank Simpanan Nasional



PROSES PEMBUKAAN AKAUN DI EJEN BANK BERDAFTAR (EB)

1 Hadir ke kaunter EB BSN



2 Bawa bersama MyKad dan Tunai



3 Masukkan MyKad dan letakkan ibu jari di terminal *Point of Sale* (POS) untuk pengesahan biometrik



4 Sila masukkan nombor telefon anda ke terminal POS



5 Deposit dan sahkan akaun Pembukaan Akaun



6 Terima resit transaksi salinan pelanggan (no. akaun Giro / Giro-i akan tertera pada resit)



7 Hadir ke cawangan BSN selewat-lewatnya 2 bulan daripada tarikh pembukaan akaun untuk kemaskini maklumat dan mohon Kad ATM



PASTIKAN ✓

- Melakukan urusan di premis Ejen Bank Berdaftar yang SAH sahaja.
- Sila masukkan nombor telefon anda ke terminal POS.
- Minta salinan dan semak maklumat sebelum meninggalkan premis ejen.
- Simpan resit cetakan daripada terminal Pos di tempat yang selamat untuk rujukan di masa akan datang.
- Anda hadir ke cawangan BSN dalam tempoh dua bulan dari tarikh pembukaan akaun untuk kemaskini maklumat dan membuat permohonan kad ATM.
- Segera maklumkan kepada pihak BSN sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi pemilik akaun dan sekiranya terdapat perbezaan / percanggahan maklumat pada resit / penyata akaun anda.
- Menyimpan nombor akaun dan maklumat akaun anda kerana ianya adalah sulit dan rahsia.
- Bawa bersama wang secukupnya dan MyKad anda untuk membuat deposit (pembukaan akaun).

JANGAN ✗

- Lakukan transaksi di luar premis ejen atau di premis yang tiada papan tanda EB BSN.
- Dedahkan nombor akaun dan maklumat akaun pada pihak ketiga.
- Lakukan transaksi ketika berlaku gangguan talian kerana terminal POS tidak dapat mencetak resit.
- Maklumkan baki akaun kepada Ejen atau orang lain.
- Dedahkan nombor akaun dan Kad ATM atau MyKad anda kepada Ejen atau orang lain kerana ianya adalah rahsia.
- Membenarkan pihak ketiga menggunakan akaun anda bagi pelaksanaan aktiviti yang menyalahi undang-undang.



Salah Laporan Mengenai Ringgit

Kenyataan ini dibuat susulan daripada beberapa laporan media yang kurang tepat dan mengelirukan berkaitan dengan Bank Negara Malaysia mengenai faktor-faktor yang menjadi penyebab turun naik kadar pertukaran Ringgit.

Bank Negara Malaysia ingin menegaskan bahawa pergerakan semasa nilai Ringgit dipengaruhi oleh perkembangan global dan dalam negeri. Perkembangan global termasuklah jangkaan pelabur berhubung dengan dasar monetari bank-bank pusat utama serta trend harga minyak mentah dan gas.

Faktor-faktor dalam negeri, termasuklah kebimbangan terhadap entiti berkaitan kerajaan dan isu berkaitan penarafan. Ketidakpastian terhadap mana-mana isu ini telah menyebabkan turun naik nilai Ringgit. Sungguhpun perkembangan di luar negeri adalah

di luar kawalan mana-mana ekonomi yang bersifat terbuka, namun segala usaha perlu diambil untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu dalam negeri yang sedang dihadapi oleh ekonomi negara. Apabila isu-isu tersebut diselesaikan, prestasi ringgit dijangka kembali selaras dengan asas-asas ekonomi dan prospek pertumbuhan negara yang kukuh.

Bank Negara Malaysia kekal fokus terhadap peranan dan mandatnya dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank Negara Malaysia tidak pernah dan tidak akan terpengaruh oleh agenda politik tetapi akan terus melaksanakan mandatnya dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan rakyat negara ini.

Sumber: Bank Negara Malaysia



Ketahui Hak Dalam Jualan Kredit

Semenjak kebelakangan ini terdapat banyak isu berkaitan dengan syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan jualan barang secara kredit atau ansuran. Kebanyakannya berkaitan dengan isu ugutan atau ancaman yang dibuat oleh samseng daripada pihak syarikat tersebut terhadap pengguna yang masih belum menjelaskan tunggakan ansuran atau memeras pengguna untuk membuat bayaran lebih walaupun hutangnya telah diselesaikan beberapa tahun lepas.

Apakah yang dimaksudkan dengan jualan kredit? Jualan kredit ialah pembekal melakukan aktiviti pembekalan barang dan pembekalan kredit apabila barang itu dijual kepada pengguna yang tidak ingin/mampu membuat pembayaran yang sepenuhnya dalam satu transaksi.

Pada hemat pengguna, skim bayaran ansuran yang ditawarkan ini mungkin dapat mengurangkan bebanan kewangan ke atas individu yang tertentu. Namun, terdapat sesetengah syarikat ini menggunakan kekerasan dan mengugut apabila pengguna gagal menjelaskan bayaran ansuran. Berdasarkan aduan yang diterima oleh NCCC, pengadu telah dihubungi oleh pihak syarikat dan menyatakan beliau mempunyai tunggakan bayaran ansuran perabot. Walhal, bayaran perabot tersebut telah dilangsaikan beberapa tahun

yang lalu. Pemungut hutang juga bertindak mengugut pengadu jika tidak membuat bayaran.

Tindakan ugutan yang dilakukan oleh pemungut hutang ini perlu dipandang serius. Tindakan ini tidak wajar dilakukan oleh pemungut hutang. Syarikat seharusnya perlu bertanggungjawab mengemas kini pembayaran pengguna agar kesilapan maklumat tidak berlaku.

Kebanyakan pengguna tidak menyedari bahawa mereka perlu mendapatkan surat pelepasan daripada syarikat-syarikat tertentu, kerana mereka menganggap pengesahan secara lisan oleh syarikat itu merupakan keputusan akhir untuk ansuran yang diambil oleh mereka. Surat pelepasan boleh dijadikan sebagai bukti bahawa pengguna telah melangsaikan bayaran ansuran daripada syarikat terbabit.

Tidak dinafikan, ramai pengguna memerlukan skim bayaran ansuran bagi mengurangkan beban kewangan mereka serta mempermudah pembelian barangan isi rumah untuk menghiasi rumah mereka, terutama pada musim perayaan seperti, Hari Raya Aidilfitri dan perayaan yang lain. Pengguna dinasihatkan supaya berbelanja secara berhemat atas barangan keperluan dan tidak diperangkap oleh tawaran atau gimik jualan murah. Pengguna juga perlu mengesahkan caj faedah

sebelum menandatangani sebarang perjanjian dan membandingkan penawaran faedah dengan syarikat lain. Hal ini disebabkan bayaran ansuran mungkin kelihatan mudah/senang untuk membayar, tetapi sebaliknya anda mungkin membayar dua kali ganda jumlah harga asal disebabkan oleh caj-caj kadar faedah yang tinggi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2012 pada 1 Oktober 2012. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi pengguna yang membuat urus niaga secara kredit atau ansuran.

Peraturan ini telah mewajibkan penjual dan pemberi kemudahan kredit untuk memaklumkan kepada pengguna secara lisan dan bertulis mengenai beberapa maklumat penting sebelum urus niaga secara kredit dilaksanakan, seperti kadar faedah yang dikenakan, jumlah harga barangan termasuk faedah, caj sampingan, caj bayaran lewat dan formula pengiraannya. Selain itu, peraturan ini juga telah menetapkan beberapa perkara seperti berikut:

- I. Tidak membenarkan penjual memberi kemudahan kredit dan mengenakan lebih daripada satu fi pemprosesan dokumen untuk pembelian melebihi satu barangan dengan satu transaksi;

- II. Kadar faedah tidak boleh diubah selepas perjanjian jualan kredit ditandatangani;
- III. Pengguna tidak boleh dikenakan sebarang bentuk fi jika permohonan kredit tidak diluluskan; dan
- IV. Pengguna tidak boleh dikenakan penalti jika membuat penyelesaian awal pembayaran.

Namun, jumlah caj kadar faedah yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tidak dikawal oleh mana-mana badan atau agensi. Terdapat aduan tentang kadar faedah yang diberikan oleh syarikat agak tinggi. Oleh itu, pengguna perlu bijak membuat perbandingan harga dan caj kadar faedah yang ditawarkan.

Pengguna boleh membuat aduan sekiranya terdapat syarikat-syarikat yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui talian *hotline* 1800-886-800 atau memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Gunakan hak anda untuk memilih dan membuat keputusan dalam pembelian!.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

“Berdasarkan aduan yang diterima oleh NCCC, pengadu telah dihubungi oleh pihak syarikat dan menyatakan beliau mempunyai tunggakan bayaran ansuran perabot. Walhal, bayaran perabot tersebut telah dilangsaikan beberapa tahun yang lalu.”





Apakah prosedur bagi seorang pengguna untuk membuat aduan jika tertipu?

Pengguna, Petaling Jaya

Jawapan:

Pengguna perlu pergi ke kedai berkenaan dan cuba menyelesaikan masalah tersebut. Sekiranya gagal, tindakan selanjutnya yang boleh dilakukan adalah menulis surat rasmi kepada pekedai atau syarikat berkenaan.

Antara kaedah menulis surat aduan secara berkesan adalah seperti berikut:-

- a) Nyatakan butir pembelian termasuk harga, siapa kakitangan syarikat atau pembantu kedai yang menjualnya (jika tahu namanya), tarikh pembelian atau pemasangan, janji dibuat, nama cawangan kedai atau syarikat dan sebagainya.
- b) Nyatakan bentuk tuntutan diingini (pengembalian wang, ganti rugi, pembaikan dan sebagainya).
- c) Sertakan salinan dokumen (seperti resit atau bukti pembelian) bagi menyokong tuntutan.
- d) Surat hendaklah ditulis dengan jelas dan mudah difahami.
- e) Nyatakan secara baik kaedah bagi menyelesaikan masalah anda.
- f) Buat salinan surat kepada pihak berkenaan seperti syarikat induk bagi cawangan kedai berkenaan, Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, persatuan pengguna dan sebagainya.
- g) Kirim surat itu secara pos daftar.
- h) Jalan terakhir ialah membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia bagi penyelesaian.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada
ringgit@crcc.org.my
atau menulis kepada

**Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor**



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kad kredit anda telah
dipalsukan...

Seseorang telah
mencuri identiti anda...

Akaun anda telah
disalah guna...

Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa **PENIPUAN**.



Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu **PENIPUAN**. Jangan panik. Fikir dahulu.

1

Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda

2

Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga

3

Bank Negara Malaysia **tidak menyimpan** wang orang ramai dalam mana-mana akaun

**Jika ada keraguan,
sila hubungi**

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip

BNM TANYA
[pertanyaan/
aduan anda]

dan hantar kepada
15888

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Amaran Penipuan Kewangan** yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia



www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)

Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching (Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)

Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

**Sebarang maklum
balas sila e-melkan
kepada
ringgit@crcc.org.my**

AWAS DENGAN PENIPUAN INTERNET! ANDA JUGA BOLEH MENJADI MANGSA



TAWARAN
DALAM TALIAN
YANG NAMPAK
MERAGUKAN
MUNGKIN
SUATU PENIPUAN



✓ Pastikan kata laluan dan nombor pin anda sukit.

✓ Taipkan URL laman web bank terus ke dalam pelayar web.



Jangan balas sebarang mesej yang meminta maklumat peribadi atau kewangan.



Jangan buka sebarang pautan laman web yang tidak diminta atau meragukan.



Untuk maklumat lanjut,
layari **klikdenganbijak.my**



#klikdenganbijak